

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

PERINGATAN: Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah yang boleh didapati di www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions ("Terma dan Syarat"). Jika Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat di sini, Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan atau wakil Bank yang di beri kuasa.

1. Definisi

- 1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya.

"Kumpulan AmBank" merujuk kepada semua Syarikat berkaitan dan Syarikat Bersekutu bagi Bank sama ada ditubuhkan di dalam atau di luar Malaysia, sedia ada sekarang atau pada masa hadapan dan rujukan kepada "Kumpulan AmBank" dalam Terma dan Syarat ini, hendaklah merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

"AmOnline" merujuk kepada perkhidmatan perbankan internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di <http://ambank.amonline.com.my>.

"Syarikat Bersekutu" hendaklah mempunyai maksud yang sama yang ditetapkan di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan.

"Bank" merujuk kepada AmBank (M) Berhad ('AmBank') [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad ('AmBank Islamic') [No. Pendaftaran: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

"Garis Asas" merujuk kepada Baki Purata Bulanan bagi bulan sebulan sebelum bulan penyertaan. Ia boleh dikira dengan jumlah semua baki penutup harian bulan dalam Akaun Simpanan-i AmWafeeq Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

"Kempen" merujuk kepada **"Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink"** yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

"CASA/CASA-i" merujuk kepada Akaun Semasa/Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i Pelanggan yang Layak yang dikekalkan dengan Bank. Produk yang ditawarkan di bawah kempen ini termasuk:

- (a) Akaun Simpanan Asas/Akaun Simpanan Asas-i (BSA/BSA-i);
- (b) Akaun Semasa Asas/Akaun Semasa Asas-i (BCA/BCA-i);
- (c) Akaun Penyimpan/Akaun Penyimpanan-i TRUE;
- (d) Akaun Transaksi Semasa TRUE;
- (e) Akaun Transaksi-i TRUE;
- (f) Akaun Simpanan Harian;
- (g) Akaun Simpanan Khas Family First/Akaun Simpanan Khas Family First-i;
- (h) Akaun Harian Family First/Akaun Harian Family First-i (Family First/Family First-i);
- (i) Akaun AmPartner;
- (j) Akaun AmStar Semasa/Akaun Semasa-i AmStar, dan
- (k) Akaun Simpanan-i AmWafeeq.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

“DuitNow QR” merujuk kepada pembayaran melalui fungsi “Imbas QR” dalam aplikasi AmOnline yang dipautkan kepada Akaun AmPartner Pelanggan yang Layak.

“Hari” merujuk kepada Isnin hingga Jumaat dan pada bila-bila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“Penyertaan” merujuk penyertaan yang layak diperoleh dengan memenuhi kriteria dalam Klausa 4.2 yang memberikan hak kepada Pelanggan Yang Layak untuk melayakkan diri untuk hadiah Kempen.

“Dana Baharu” bermaksud wang atau dana yang:

- (a) Tidak dipindahkan daripada mana-mana akaun deposit Bank/Kumpulan AmBank yang sedia ada;
- (b) Dipindahkan menerusi GIRO Antara Bank (IBG) atau Pindahan Dana Antara Bank (IBFT) daripada bank/institusi kewangan yang lain ke dalam AmWafeeq SA-i pelanggan.
- (c) Deposit boleh dibuat melalui tunai atau cek ke dalam Akaun AmPartner pelanggan.

Nota: Cek yang dikeluarkan oleh Bank lain adalah tertakluk kepada penjelasan mereka dan hanya akan dianggap sebagai deposit oleh Pelanggan yang Layak setelah cek tersebut dijelaskan dan hanya dianggap jelas jika tidak dipulangkan atau tidak laku.

“BPB Tambahan” merujuk kepada BPB untuk bulan tolak Garis Asas.

“Baki Purata Bulanan (BPB)” merujuk kepada jumlah semua baki penutup harian bulan dalam Akaun Simpanan Pelanggan yang Layak, dibahagikan dengan bilangan hari pada bulan yang sama.

“Notis Awal” bermaksud notis oleh Bank berkenaan fakta-fakta tertentu atau berkenaan sesuatu keadaan yang tertentu yang diberi sekurang-kurangnya lima (5) hari kalendar di laman web Bank di www.ambank.com.my.

“Kad Debit” merujuk kepada Kad Debit yang dikeluarkan oleh Bank (Kad Debit Mastercard AmBank dan/atau Kad Debit Mastercard TRUE by AmBank) dan Kad Debit Visacard AmBank).

“Ahli BonusLink” merujuk kepada pengguna yang melanggan dan mendaftar untuk program ganjaran keahlian yang dikendalikan oleh BonusKad Loyalty Sdn. Bhd.

“Aplikasi BLINK” merujuk kepada aplikasi mudah alih yang dikendalikan oleh BonusKad Loyalty Sdn. Bhd.

“Shell” merujuk kepada semua Stesen Minyak Shell di seluruh negeri dalam Malaysia

Perkataan yang menunjukkan seseorang hendaklah termasuk seseorang yang masih hidup dan, yang mana berkenaan, badan atau seseorang yang ditubuhkan atau tidak ditubuhkan. Perkataan yang membawa maksud tunggal juga hendaklah termasuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki hendaklah termasuk jantina wanita dan neuter.

2. Tempoh Kempen

Kempen ini akan **bermula pada 1 June 2025 dan berakhir pada 30 November 2025** merangkumi kedua-dua tarikh (**“Tempoh Kempen”**). Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah atau meminda Tempoh Kempen dengan memberi Notis Awal.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

3. Kelayakan

- 3.1 Semua pelanggan individu yang merupakan pemegang akaun utama yang memiliki CASA/CASA-i yang aktif (di sini disebut sebagai "**Pelanggan yang Layak**") dengan Bank semasa Tempoh Kempen akan didaftarkan secara automatik untuk menyertai Kempen ini.
- 3.2 Kempen ini hanya terpakai untuk produk Akaun AmPartner (seterusnya dirujuk sebagai "**Akaun Peserta**") kecuali dua kriteria di bawah ini terbuka untuk semua CASA/CASA-i yang memegang keahlian BonusLink.

Jadual 1: Peruntukan Penyertaan untuk semua CASA/CASA-i

Kategori	Huraian	Bilangan Penyertaan	Pulangan Tunai
Deposit	Memaut keahlian akaun BonusLink pada Aplikasi AmOnline	5 Penyertaan (Satu Kali Sahaja)	Tidak berkenaan
	TUKAR – Mata Ganjaran BonusLink ke tunai pada Aplikasi AmOnline dengan minimum 2,120 Mata Ganjaran BonusLink setiap transaksi bernilai RM20	5 Penyertaan setiap transaksi	Tambahan 50% ² Pulangan Tunai untuk setiap transaksi.

Nota²: Jumlah ganjaran yang diperuntukkan di bawah Pulangan Tunai Tambahan 50% dihadkan pada RM9,000 yang akan diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat dan dihadkan pada RM30 setiap pelanggan sepanjang tempoh kempen.

- 3.3 Untuk layak dalam Kempen ini, semua akaun peserta mesti sah dan berada dalam keadaan baik yang akan ditentukan oleh Bank mengikut budi bicaranya.
- 3.4 Akaun Pelanggan yang Layak yang digantung, dibatalkan atau dihentikan atas sebarang sebab semasa Tempoh Kempen atau sebelum menerima hadiah wang tunai, tidak akan berhak mendapatkan hadiah wang tunai dalam Kempen ini.
- 3.5 Kategori individu yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- (a) Pelanggan bukan individu termasuk, tetapi tidak terhad kepada:
 - Pemilikan tunggal/perkongsian; dan/atau
 - Perusahaan kecil dan sederhana (PKS); dan/atau
 - Organisasi bukan untung/badan amal/pertubuhan
 - (b) Pekerja Kumpulan AmBank tidak layak menyertai Kempen ini.
 - (c) Akaun Pelanggan dengan Bank yang tidak aktif atau yang telah melanggar perjanjian lain dengan Bank;
 - (d) Akaun Pelanggan yang dianggap tidak memuaskan, tidak sah atau dibatalkan.
- 3.6 **Transaksi Layak** hendaklah bermaksud transaksi runcit yang dilakukan di mana-mana stesen Shell, termasuk pembayaran yang dibuat melalui kaunter juruwang atau transaksi terminal yang berjaya dicaj pada Kad Debit semasa Tempoh Kempen. Penentuan Bank berkenaan dengan apa yang merangkumi Transaksi Layak sebagaimana yang ditakrifkan di sini adalah konklusif dan terikat kepada semua Pelanggan yang Layak.
- 3.7 Transaksi berikut akan dikecualikan dan tidak akan dianggap sebagai Transaksi Layak:
- a) Tambah Nilai tunai seperti prabayar mudah alih melalui epay, Touch' n Go dan lain-lain.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

- b) Pembayaran di cawangan lain dalam premis Shell seperti Costa, McDonalds, perkhidmatan cuci kereta atau pembaikan kereta, restoran, kedai makanan dan perkhidmatan yang tidak disediakan oleh Shell.
- 3.8 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, transaksi antarabangsa dalam mata wang asing hendaklah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan pada kadar semasa pertukaran asing pada tarikh dan masa (Waktu Malaysia) yang tercatat dalam rekod Bank semasa Tempoh Kempen.
- 3.9 Pelanggan yang Layak yang melakukan Transaksi Layak dan memenuhi perbelanjaan terkumpul di Shell seperti yang tercatat dalam rekod Bank akan layak menerima Ganjaran secara automatik seperti yang dinyatakan seperti dalam Jadual 2 Klausula 4.1.
- 3.10 Pelanggan Layak yang memautkan akaun BonusLink melalui AmOnline akan layak untuk program penebusan eksklusif.
- 3.11 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

4. Mekanisma Kempen

- 4.1 Pelanggan yang layak memenuhi kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di bawah berhak mendapatkan hak penyertaan untuk memenangi hadiah ("Penyertaan") semasa Tempoh Kempen:

Jadual 2: Peruntukan Penyertaan

Kategori	Huraian	Bilangan Penyertaan	Pulangan Tunai
Deposit	BUKA - Akaun ¹ AmPartner baru melalui AmOnline dalam tempoh kempen.	50 Penyertaan (Satu Kali Sahaja)	Tidak berkenaan
	MEMAUT keahlian akaun BonusLink pada AmOnline	5 Penyertaan (Satu Kali Sahaja)	Tidak berkenaan
	TUKAR – Mata Ganjaran BonusLink ke tunai pada Aplikasi AmOnline dengan minimum 2,120 Mata Ganjaran BonusLink setiap transaksi bernilai RM20	5 Penyertaan (Satu Kali Sahaja)	Tambahan 50% ² Pulangan Tunai untuk setiap transaksi.
Penggalak Kesetiaan	DEPOSIT - Setiap BPB tambahan sebanyak RM100 dalam Akaun AmPartner.	5 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)	Tidak berkenaan
	BPB tambahan ³ sebanyak RM5,000 semasa tempoh kempen dan mengekalkan selama 3 bulan berturut-turut dalam Akaun AmPartner.	50 Penyertaan (Satu Kali Sahaja)	Tidak berkenaan
Transaksi	BAYAR melalui Kad Debit/DuitNow QR dengan jumlah minimum 3 transaksi setiap bulan, dengan perbelanjaan minimum RM50 setiap transaksi di Shell.	50 Penyertaan (setiap tempoh kempen bulan)	Tidak berkenaan

Nota¹: Baru kepada Akaun AmPartner sahaja.

Nota²: Jumlah ganjaran yang diperuntukkan di bawah Pulangan Tunai Tambahan 50% dihadkan pada RM9,000 yang akan diberikan berdasarkan siapa cepat dia dapat dan dihadkan pada RM30 setiap pelanggan sepanjang tempoh kempen.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

Nota³Baki akaun tambahan akan dikira berdasarkan BPB Akaun AmPartner pelanggan untuk bulan tolak bulan sebelum bulan penyertaan.

- 4.2 BPB tambahan adalah merujuk kepada perbezaan BPB semasa Tempoh Kempen berbanding dengan BPB dalam pada Garis Dasar.
- Pelanggan yang Baru dengan Bank: Garis Dasar = “0”
 - Pelanggan yang sedia ada dengan Bank: Garis Dasar = BPB untuk bulan sebelum bulan penyertaan (Mei 2025).
- 4.3 Kadar penukaran Mata BonusLink kepada Tunai melalui AmOnline dinyatakan dalam jadual di bawah;

Mata Ganjaran BonusLink	1,060	2,120	3,180	4,240	5,300
Tunai (RM)	10	20	30	40	50

Ilustrasi 1:

- i. Seorang Pelanggan yang Layak membuka Akaun AmPartner melalui AmOnline pada Tempoh Kempen Bulan 1 dan telah deposit Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000) semasa pembukaan akaun. Garis Dasar BPB Pelanggan adalah RM0. Pelanggan yang Layak juga memaut Keahlian BonusLink pada AmOnline.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 1 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuh	Bilangan Penyertaan Diperoleh	Pulangan Tunai
PEMBUKAAN Akaun AmPartner Baru melalui AmOnline dalam tempoh kempen.	50 Penyertaan	
DEPOSIT – Setiap BPB tambahan RM100	250 Penyertaan (RM5,000 / RM100) x 5	
MEMAUT keahlian akaun BonusLink pada AmOnline	5 Penyertaan	
Jumlah Penyertaan Diperoleh	305 Penyertaan	

Ilustrasi 2:

- i. Seorang Pelanggan yang Layak memiliki Akaun AmPartner dengan Garis Dasar BPB Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500). Dalam Tempoh Kempen Bulan 3, Pelanggan yang Layak telah memaut keahlian BonusLink melalui AmOnline telah menggunakan Kad Debitnya selama tiga (3) kali dengan perbelanjaan RM80 dalam tempoh di Shell. Pelanggan yang Layak juga telah menukar 5,300 Mata Ganjaran BonusLink kepada Tunai melalui AmOnline.
- ii. Bilangan Penyertaan Diperoleh pada Tempoh Kempen Bulan 3 dikira seperti di bawah:

Kriteria Dipenuh	Bilangan Penyertaan Diperoleh	Pulangan Tunai
DEPOSIT – Setiap BPB tambahan RM100	25 Entries (RM500 / RM100) x 5	
TUKAR - Mata Ganjaran BonusLink ke tunai pada Aplikasi AmOnline dengan minimum 2,120 Mata Ganjaran BonusLink	5 Penyertaan	RM25 (RM50x50%) (5,300 Mata Ganjaran BonusLink / 1,060 Mata Ganjaran BonusLink = RM50)

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

MEMAUT keahlian akaun BonusLink pada AmOnline	5 Penyertaan	
BAYAR melalui Kad Debit/DuitNow QR dengan jumlah minimum 3 transaksi setiap bulan di Shell	50 Penyertaan	
Jumlah Penyertaan Diperoleh	85 Penyertaan	

- 4.4 Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada Pelanggan yang Layak untuk mengkreditkan Mata BonusLink ke akaun keahlian BonusLink lain yang bukan milik Pelanggan Layak atau menukar Mata BonusLink atau baucar dengan wang tunai.
- 4.5 CASA/CASA-i Pelanggan Layak tidak boleh tidak aktif atau ditutup sepanjang Tempoh Kempen dan pada titik Mata BonusLink dikreditkan ke dalam akaun keahlian BonusLink Pelanggan Layak.

5. Hadiah

- 5.1 Hadiah yang ditawarkan dan jumlah pemenang bagi setiap kategori hadiah adalah seperti berikut:

Kategori	Hadiah setiap Pemenang Mata Ganjaran BonusLink	Nilai Setara Mata BonusLink	Jumlah Pemenang bagi keseluruhan Tempoh Kempen
Hadiah Utama	1,000,000	9,433.96	1
Hadiah Kedua	50,000	471.70	49

- 5.2 Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit atau apa-apa jenis lain.

6. Pemilihan Pemenang

(A) Hadiah Utama

- 6.1 Selepas perolehan Penyertaan, jumlah Penyertaan akan dibahagikan dengan tiga puluh (30) untuk mengembalikan nilai pengganda untuk menyenarai pendek tiga puluh (30) Pelanggan Yang Layak untuk Hadiah Utama. ("**Pemenang Hadiah Utama Berpotensi**").

Contoh:

3,000 jumlah Penyertaan dibahagikan dengan 30 untuk mengembalikan nilai pengganda sebanyak 100, yang bermaksud Pelanggan Yang Layak ke-100 dan gandaannya, iaitu Penyertaan ke-200, ke-300 hingga ke-3,000 akan disenarai pendek sebagai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi.

- 6.2 Satu (1) Pelanggan Layak hanya dibenarkan disenarai pendek sekali sahaja untuk Hadiah Utama. Sekiranya Pelanggan Layak yang sama disenarai pendek lebih daripada sekali, penyenaian pendek akan berdasarkan Nombor Urutan terendah Pelanggan Layak tersebut. Semua penyertaan lain daripada Pelanggan Layak yang sama akan diabaikan. Oleh itu, Pelanggan Layak seterusnya dengan Nombor Urutan seterusnya akan disenarai pendek, seperti yang ditunjukkan di bawah:

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

Contoh:

Sekiranya Penyertaan ke-200 dan ke-300 adalah daripada Pelanggan Yang Layak yang sama, maka penyenaraian pendek akan berdasarkan Penyertaan ke-200. Bagi Penyertaan ke-300 Pelanggan Yang Layak yang tidak dipilih, Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek berikutnya, iaitu penyertaan ke-400, akan dipilih sebagai gantinya.

- 6.3 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi bagi setiap hadiah akan dihubungi untuk sesi Soal Jawab melalui panggilan telefon yang direkodkan ("Phone Q&A") di nombor telefon bimbit mereka yang didaftarkan dalam sistem Bank. Hubungan ini akan berlaku antara 9.00 pagi hingga 5.00 petang dari Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum), dalam tempoh dua belas (12) minggu dari 30 November 2025, mengikut budi bicara Bank.
- 6.4 Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul untuk dipilih sebagai Pemenang Hadiah Utama. Pihak Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang Hadiah Utama Berpotensi. Sekiranya percubaan hubungan pertama gagal atas sebab-sebab seperti panggilan tidak dijawab, nombor mudah alih tidak berada dalam perkhidmatan, tiada sambungan atau apa-apa sebab sedemikian, maka pihak Bank akan membuat dua (2) lagi percubaan dalam tempoh dua (2) hari bekerja pada masa tersedia yang seterusnya mengikut budi bicara Bank. Sekiranya percubaan terakhir juga gagal, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah tersebut. Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya dengan Nombor Berurutan terendah daripada senarai Pemenang Hadiah Utama Berpotensi akan dihubungi kemudiannya untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.5 Sekiranya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek tersebut gagal menjawab S&J dengan betul, maka Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek itu akan hilang kelayakan daripada menang dan Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang berikutnya akan dihubungi untuk peluang memenangi Hadiah Utama.
- 6.6 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa panggilan telefon yang dibuat kepada Pemenang Hadiah Utama Berpotensi yang disenarai pendek yang tidak lengkap, terputus, tidak dijawab, atau tidak terdapatnya Pemenang Hadiah Utama Berpotensi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan dan/atau disebabkan oleh apa-apa sebab lain sedemikian.

(B) Hadiah Kedua

- 6.7 Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak daripada jumlah keseluruhan Penyertaan yang akan dijalankan oleh Bank. Bank akan memberitahu pemenang hadiah menggunakan maklumat hubungan yang disimpan dalam sistem Bank, dan pemberitahuan akan dihantar melalui SMS/penghantar elektronik atau kaedah komunikasi lain yang sesuai.

7. Pemenang Hadiah

- 7.1 Keputusan semua pemenang akan diumumkan dalam tempoh dua belas (12) minggu dari tarikh penutupan Penyertaan Hadiah yang berkaitan untuk pengiraan pemenang.
- 7.2 Semua pemenang mungkin dikehendaki untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti lain dengan kos dan perbelanjaan mereka sendiri dan apabila diperlukan seperti yang diberitahu oleh Bank melalui panggilan telefon dan/atau surat elektronik berhubung dengan tarikh, masa dan tempat majlis penyampaian hadiah dan/atau program publisiti yang lain. Bank akan membuat tiga (3) percubaan untuk menghubungi Pemenang.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

- 7.3 Jika pemenang gagal dihubungi selepas percubaan ini, Bank tidak akan membuat percubaan lagi untuk menghubungi pemenang atau jika pemenang berjaya dihubungi tetapi gagal menghadiri majlis dan/atau program sedemikian tanpa sebab yang sah, Bank berhak untuk membatalkan Hadiah Pemenang.
- 7.4 Mata Ganjaran BonusLink akan dikreditkan ke akaun keahlian BonusLink Pelanggan Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari perniagaan selepas tamat Tempoh Kempen.
- 7.5 Bank berhak untuk mengubah atau menukar ke sebarang bentuk ganjaran yang sama amaun dan Pelanggan Yang Layak akan diberitahu dengan Notis Terdahulu melalui cara komunikasi yang ditetapkan di dalam Kempen ini.
- 7.6 Hadiah tidak boleh ditukar atau dipindahmilik dengan wang tunai, kredit atau sejenisnya. Hadiah yang dipaparkan di laman web promosi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan reka bentuk asal mungkin berbeza.
- 7.7 Bank menolak apa-apa liabiliti, tanggungjawab atau kewajipan berkaitan dengan hadiah dan tidak membuat representasi atau jaminan terhadap kualiti hadiah tersebut dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan hadiah yang hilang, dicuri atau rosak disebabkan oleh kecacatan bahunya atau pembuatannya oleh pengilang sama ada di bawah jaminan atau tidak. Pelanggan Yang Layak hendaklah berurusan terus dengan pengeluar dan/atau wakil jualannya yang sah untuk maklumat jaminan, tuntutan dan/atau terma dan syarat yang berkaitan khusus dengan hadiah.

8. Hilang Kelayakan

Bank berhak membatalkan penyertaan dan/atau transaksi mana-mana Pelanggan Yang Layak untuk tujuan Kempen ini tanpa perlu memberitahu Pelanggan Yang Layak sekiranya:

- a) Transaksi yang mencurigakan diterima pada mana-mana peringkat Kempen dan/atau selepas Tempoh Kempen yang ditetapkan; atau
- b) CASA/CASA-i Pelanggan Yang Layak memungkirkan pinjaman yang diberikan pada bila-bila masa semasa Tempoh Kempen; atau
- c) CASA/CASA-i Pelanggan Yang Layak ditutup sebelum pemberitahuan pemenang oleh Bank; atau
- d) Pelanggan Yang Layak telah memberikan maklumat yang tidak benar, menipu atau tidak bertindak dengan niat baik dalam apa-apa cara semasa Tempoh Kempen; atau
- e) Pelanggan Yang Layak telah melanggar mana-mana terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini.

9. Umum

- 9.1 Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak dinasihati untuk membaca dan memahani terma dan syarat di sini, untuk membaca bersama dengan:
- a) Terma dan Syarat Umum untuk Akaun dan Perkhidmatan
 - b) Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (hanya untuk Akaun Semasa dan Simpanan AmBank Islamic sahaja)
 - c) Pengakuan dan Terma dan Syarat untuk Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i dan/atau Akaun Semasa/Akaun Semasa-i melalui Elektronik (AmOnline).
 - d) Terma dan Syarat Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink.
 - e) Terma dan Syarat Khusus untuk Akaun Semasa AmPartner.

Pelanggan yang Layak dikehendaki log masuk ke laman web rasmi Bank melalui <http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions> kerana penyertaan dalam Kempen ini mewakili penerimaan anda kepada Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat Am.

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan di antara semua Terma dan Syarat ini, Terma dan Syarat yang terkandung di sini akan diguna pakai berhubung dengan Kempen ini.

- 9.2 Pelanggan yang Layak diminta untuk melaksanakan semua dokumen yang relevan dan menatuhi semua syarat dan ketentuan sehubungan dengan pelaburan mereka dalam produk yang relevan di bawah kempen, yang sebagai tambahan dan terpisah dari terma dan syarat ini.
- 9.3 Tawaran Kempen adalah tidak sah dengan mana-mana promosi atau kempen lain yang ditawarkan oleh Bank dan tiada kadar istimewa, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 9.4 Bank mempunyai hak dan budi bicara untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa termasuk mengubah Tempoh Kempen, dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 9.5 Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan Bank tidak melanggar terma dan syarat Kempen ini seperti yang terkandung di sini, Bank boleh mengubah/menyemak/meminda mekanisme/proses/syarat pemilihan Kempen sebagaimana yang difikirkannya wajar pada bila-bila masa dengan Notis Terdahulu.
- 9.6 Bank mempunyai hak, pada bila-bila masa, untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan Notis Terdahulu.
- 9.7 Dengan menyertai Kempen, Pelanggan Layak memberikan persetujuan mereka kepada Bank untuk mendedahkan maklumat mereka seperti nombor mudah alih dan nombor keahlian BonusLink kepada BonusKad Loyalty Sdn Bhd untuk tujuan memenuhi hadiah Kempen. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk membaca dan memahami Notis Privasi Kumpulan AmBank, yang boleh didapati di laman web Bank (<https://www.ambank.com.my/privacy-policy>) dan mana-mana cawangan AmBank/AmBank Islamic.
- 9.8 Melainkan dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat yang terkandung di dalam ini, termasuk apa-apa pindaan ke atasnya, akan mengatasi mana-mana peruntukan dan/atau perwakilan lain yang terkandung dalam mana-mana notis/promosi/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 9.9 Keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan kelayakan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 9.10 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau kerugian/kerosakan secara tidak langsung, ganti rugi kecil, kerosakan berbangkit, ganti rugi teladan, ganti rugi punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen, kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja, atau fraud oleh Bank.
- 9.11 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak apabila berlaku peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank yang merangkumi tetapi tidak terhad kepada bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan

Terma dan Syarat
Kempen Ganjaran Deposit Eksklusif AmBank x BonusLink
Tempoh Kempen: 1 Jun 2025 – 30 November 2025

yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau kejadian, keadaan, atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.

- 9.12 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 9.13 Semua pertikaian berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang Layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam ini.
- 9.14 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman web korporat Bank untuk maklumat terkini Kempen di www.ambank.com.my/AMBL untuk terma dan syarat yang terkini, jika ada.
- 9.15 Untuk sebarang bantuan dan/atau maklum balas yang berkaitan dengan Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan Bank dari 7.00 pagi hingga 11.00 malam, Isnin hingga Ahad di talian 03-2178 8888 atau e-mel kepada customercare@ambankgroup.com.